

LATIHAN BERDIKARI

Isikan tempat-tempat kosong di bawah ini dengan perkataan-perkataan yang paling sesuai.

canggung	senang	malas	ilmu pengetahuan	bertanggungjawab
berdikari	berkumpulan	percaya	manfaat	dihormati
rungutan	dihina	merancang	masa	ibu bapa

1. _____ berdiri atas kaki sendiri iaitu tidak mengharapkan orang lain untuk menolongnya.
2. Kita sering mendengar _____ para ibu bapa mengenai sikap anak remaja yang tidak mahu membuat kerja rumah.
3. _____ pada diri sendiri adalah ciri-ciri bagi berdikari.
4. Remaja digalakkan untuk berdikari kerana banyak _____ dan faedahnya.
5. Jika seseorang itu dapat melaksanakan pengurusan dirinya dengan baik maka dia akan dapat hidup _____ dan selesa.
6. Seseorang pelajar mesti tahu _____ dan melaksanakan perkara penting dalam hidupnya.
7. Mengamalkan sikap berdikari akan dapat mewujudkan sikap _____ dan meningkatkan disiplin diri.
8. Jika seseorang telah terbiasa melakukan kerja sendiri maka mereka tidak akan berasa _____ sekalipun kerja yang dibebankan itu amat berat.
9. _____ kemahiran dan pengalaman adalah sangat penting dalam kehidupan manusia.
10. Orang yang berilmu akan _____ dan disegani serta dipandang mulia oleh orang lain.
11. Orang yang tidak berilmu akan dipandang rendah dan _____ oleh orang lain.
12. Para pelajar mesti pandai membahagikan _____ iaitu masa untuk rehat, bermain, belajar dan sebagainya.
13. Jangan terlalu mengharapkan pertolongan _____ kecuali jika kamu tidak tahu membuatnya.
14. Belajar secara _____ dengan kawan-kawan lebih baik kerana boleh berbincang sambil belajar.
15. Jauhilah sikap _____ dan suka membuat kerja dengan tidak bersungguh-sungguh